

# Penjelasan ketua audit hentikan tohmahan – MB

Um - 21/9/2006

Oleh TARMIZI ABDUL RAHIM

**Jadi saya harap perkara ini ditutup dan orang ramai dapat maklumat yang betul**

**MOHAMAD HASAN**  
Menteri Besar  
Negeri Sembilan

**SEREMBAN** 20 Sept. - Ketua Audit Negara tidak pernah mempersoalkan tindakan kerajaan Negeri Sembilan membelanjakan peruntukan yang diterimanya kerana ia dibuat mengikut tujuan yang diluluskan oleh Perbendaharaan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, Tan Sri Ambrin Buang sudah menjelaskan perkara itu melalui suratnya kepada Ketua Pengarang *Bernama*, Datuk Azman Ujang bertarikh 15 September lalu.

Katanya, beliau juga ada menerima salinan surat penjelasan Ambrin itu melalui sepucuk surat lain dari Jabatan Audit Negara yang ditandatangani oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan), Datuk Azizah Arshad.

Katanya, dalam surat Azizah itu, Ambrin meminta Azman mengaturkan supaya penjelasan beliau itu disiarkan di akhbar-akhbar tempatan secepat mungkin.

"Ambrin berkata, penjelasan itu penting demi menjaga imej dan integriti Jabatan Audit Negara," kata Mohamad pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

Beliau berharap penjelasan Ambrin

dapat menghentikan segala tohmahan dan spekulasi yang tersebar bahawa kerajaan negeri dan beliau sebagai Menteri Besar menyalahgunakan dana khas Kerajaan Pusat.

"Ketua Audit Negara telah beri penjelasan bahawa kerajaan negeri tidak salah guna dana, jadi saya harap perkara ini ditutup dan orang ramai dapat maklumat yang betul," katanya.

Pada 15 September lalu, Pegawai Kewangan negeri, Datuk Norzam Mohd. Nor membuat penjelasan rasmi bahawa Dana Khas yang diterima itu telah dibelanjakan mengikut surat kelulusan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

"Sehingga Disember 2005, kerajaan negeri telah diperuntukan Dana Khas sebanyak RM41.40 juta dan ia dibahagikan kepada empat pecahan iaitu, Dana Khas untuk Menteri Besar Negeri Sembilan sebanyak RM30 juta, Dana Khas untuk Kompleks Pentadbiran Daerah Port Dickson (RM4.5juta).

"Dana lain ialah Dana Khas Kompleks

Pentadbiran Daerah Seremban RM2.4 juta dan Dana Khas untuk mengubahsuai Rumah Tetamu menjadi kediaman rasmi Menteri Besar sebanyak RM4.5 juta," katanya.

Kata Norzam, Dana Khas Menteri Besar berjumlah RM30 juta itu telah digunakan untuk membantu pelajar cemerlang, bantuan kepada ibu tunggal, warga emas dan kurang upaya, bantuan persediaan pelajar memasuki IPTA/IPTS, bantuan kepada badan bukan kerajaan (NGO)/sukan, program pembiayaan perniagaan, program kesejahteraan rakyat dan program memperbaiki rumah orang miskin di kampung.

"Kita tidak menyentuh Dana Khas itu untuk tujuan lain dan ia telah dibelanjakan untuk program yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan," jelasnya.

Norzam turut memaklumkan bahawa Ketua Audit Negara telah mengaudit keempat-empat akaun Dana Khas tersebut dan mendapati Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah itu dise-

lenggara mengikut arahan amanah, pekeling dan peraturan kewangan yang berkaitan.

"Ketua Audit Negara telah mengeluarkan Sijil Audit Bersih dan ini bermakna tiada sebarang pelanggaran peraturan," katanya.